

Pembentukan Tingkah Laku Remaja Menurut Barat dan Islam

Khalim Zainal
Aminudin Basir @ Ahmad
Akila Mamat

ABSTRACT

Teenagers are an important asset for the country. They need to be formed to be leaders of the country. Nowadays, demoralization is a big issue discussed among people according to recent scenarios. Proactive efforts need to be taken so that the problems will not be abandoned. Realizing the issue, leaders of this country have taken action to develop human capital as an agenda that needs to be given immediate attention. This writing discusses the Islamic and western approaches in dealing with the issue of morals. Both have a basis in strengthening unwavering moral character of teenagers so that both can be applied up to the adult age. The Western approach stresses the Behavioral approach, Treat personality theory and humanistic approach. While the Islamic approach stresses the principles of al-Quran and al-Sunnah as a source of human development which are in parallel with human nature. From the basis, the main concepts of strengthening human capital will be explored by the concepts of al-Din, al-Worship and al-Tauhid al-Insan. The understanding of the concepts will produce people that have a clear world view.

Keywords: Teenager; Moral; Western approaches; Islamic approaches; Human nature

Pengenalan

Pembentukan tingkah laku bermasalah sering dikaitkan dengan pengaruh keluarga, rakan sebaya, persekitaran dan tret personaliti individu. Menurut Mahamood (1990), tingkah laku bermasalah seseorang individu ditakrifkan

sebagai tingkah laku yang mengganggu perjalanan kehidupannya. Kerr dan Nelson (1998) pula berpendapat tingkah laku bermasalah merupakan tingkah laku yang dianggap melencong daripada nilai dan norma sosial masyarakat. Ini bermaksud tingkah laku yang bersifat negatif seperti merosakkan harta benda, ponteng, bergaduh, biadab terhadap guru, merempit, menipu dan sebagainya lagi. Tingkah laku remaja di negara ini memang membimbangkan semua pihak. Menurut Syuhada (2010), kajian yang dikendalikan oleh Mohamad Shatar pada tahun 2009 dari Universiti Putra Malaysia berkaitan *Keterlibatan Remaja dalam Salah Laku Seksual* dalam lingkungan umur 15 hingga 25 tahun mendedahkan lebih daripada 300 remaja terlibat dengan seks bebas sehingga ada dalam kalangan mereka yang menggugurkan kandungan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 85 peratus remaja beranggapan apa yang mereka lalui adalah sebagai satu pengalaman yang menyeronokkan. Sedangkan remaja di bangku sekolah merupakan golongan sasaran usaha untuk pembinaan modal insan oleh semua negara di dunia (Hamilton 2007). Jika kumpulan ini diabaikan maka modal insan yang bakal terhasil adalah pincang dan mudah terjebak dalam kancang negatif, gagal untuk berfikir menjangkau masa depan, lemah dan akhirnya mudah diperkotak-katikkan oleh kuasa lain. Oleh itu kemajuan dan kemunduran sesuatu bangsa dan negara ditentukan oleh remaja yang masih berada di bangku sekolah. Ini adalah kerana mereka merupakan golongan yang masih boleh dibimbing oleh ibu bapa dan guru-guru dengan penerapan nilai-nilai positif bagi keseimbangan rohani, jasmani, emosi dan intelek. Tambahan negara kita juga sedang menuju ke arah merealisasikan Wawasan 2020, iaitu maju tetapi tinggi dalam nilai moral mengikut acuan kita sendiri.

Pembentukan Tingkah Laku Berdasarkan Teori Barat

Merujuk kepada remaja, interaksi bersama rakan sebaya mahu pun individu yang lebih dewasa, akan mempengaruhi cara remaja ini bertingkah laku. Melalui interaksi yang berlaku ia akan menimbulkan proses tindak balas dengan persekitarannya yang akan menghasilkan satu pengalaman tertentu (Syarifah Alwiyah 1987). Asas ini dapat dilihat melalui Teori *Behavioral* yang menyatakan bahawa tingkah laku terbentuk melalui pengalaman yang dilalui oleh individu. Dengan lain perkataan, Teori *Behavioral* percaya personaliti seseorang dibentuk oleh pengalaman mereka (Hamilton 2007). Jika guru dapat menyelami perasaan dan pemikiran remaja tentunya guru akan faham faktor penyebab remaja tersebut bertindak secara negatif. Di sini juga letaknya peranan peneguhan seperti yang ditegaskan oleh Skinner (1982) yang terlibat dengan aliran Teori *Behavioral* ini, bahawa peneguhan berperanan membentuk dan mengubah sebarang tingkah laku. Walau bagaimanapun Skinner tidak setuju dengan penggunaan dendaan yang dilihat lebih memberi implikasi negatif

seperti akan wujud perasaan dendam dan protes. Dendaan seperti merotan, berdiri atas kerusi dan lain-lain lagi hanya membawa kepada perasaan tidak puas hati, dendam dan ingin memberontak (Mohd Rashid 2005).

Peneguhan positif yang boleh digunakan adalah seperti memberi pujian, hadiah, dan pelbagai bentuk ganjaran. Hasil kajian menunjukkan pemberian ganjaran merupakan pembentuk tingkah laku yang sangat berkesan (Wolery et al. 1988). Pengamal *behavioral* percaya tingkah laku bermasalah adalah akibat daripada pelajar tidak selesa dengan peraturan atau pun undang-undang sekolah dalam mengawal tingkah laku. Oleh itu, peranan guru adalah untuk merasionalisasikan setiap peraturan kepada pelajar agar mereka dapat menerima peraturan tersebut bukan secara paksaan tetapi lebih kepada ingin menerima nilai yang telah ditetapkan oleh sekolah dan dipadankan dengan nilai mereka agar secocok.

Hubungan antara guru dengan pelajar perlu rapat agar guru dapat mengetahui sebarang perubahan yang berlaku pada diri pelajar baik positif mahupun negatif. Selain daripada itu guru-guru dan ibu bapa perlu menonjolkan contoh teladan yang baik agar pelajar dan anak-anak akan terikut tingkah laku positif yang sering dilihat mereka. Ini dikenali sebagai teori pembelajaran sosial yang banyak dibincangkan oleh Bandura (1977). Individu akan mengamalkan apa yang dilihat sebagai tingkah laku yang perlu diamalkan. Sekiranya berterusan, tingkah laku tersebut akan kekal dalam diri individu (Bandura 1977).

Pembentukan tingkah laku juga dikaitkan dengan tret personaliti individu. Merujuk teori personaliti Teori Besar Lima (Big Five Theory), beberapa ciri personaliti memungkinkan wujud tingkah laku bermasalah. Antaranya adalah seperti *neuroticism* (emosi tidak stabil, bimbang, merasa tidak selamat), *low conscientiousness* (tidak terurus, tidak mampu membuat keputusan, tidak boleh membuat keputusan), *low agreeableness* (degil, syak wasangka, suka bermusuhan) dan *extraversion* (suka berkawan, suka bercakap, suka bersosial). Oleh itu guru mahu pun ibu bapa perlu rapat dengan remaja agar yang memiliki tret personaliti seperti ini dapat dibantu dan dipupuk dengan tret yang positif seperti *emotional stability*, *high conscientiousness* dan *high agreeableness*. Sebagai contoh, seorang remaja yang memiliki personaliti *low agreeableness* akan bersifat degil, suka melawan dan mempunyai perasaan syak wasangka terhadap orang lain. Dalam konteks ibu bapa, masalah anak remaja sebegini timbul disebabkan ibu bapa kurang berinteraksi secara berkesan dengan anak-anak mereka. Ini dibuktikan melalui hasil kajian yang telah dijalankan oleh Hanafiah (2000) dalam kes masalah disiplin remaja di Gombak.

Dengan lain perkataan remaja ini perlu didekati agar wujud keyakinan dan kepercayaan mereka terhadap guru dan ibu bapa. Untuk mengubah personaliti negatif kepada positif tentunya mengambil masa yang lama dan penerapan

program-program seperti kursus motivasi, sesi kaunseling, program kepimpinan, aktiviti kokurikulum dan lain-lain lagi dapat membentuk personaliti individu. Keberkesanan program perlu dipantau dan dikaji selalu agar kumpulan sasaran menerima faedahnya.

Mengikut pendekatan Teori Humanistik pula, tingkah laku juga dikaitkan dengan kuasa dalaman yang akan memberi impak kepada individu dan berpotensi menjadikan individu tersebut seseorang yang hebat dan menyumbang kepada masyarakat. Pendekatan ini diutarakan oleh Rogers dan Maslow (Hamilton 2007). Bagi Rogers, potensi yang terdapat dalam diri individu akan melahirkan esteem sendiri dan membantu kepada perkembangan potensi diri. Jika individu berada dalam situasi yang kondusif, potensi diri akan dapat berkembang dan menjadi dominan dalam diri individu.

Bagi remaja di sekolah, potensi golongan ini dapat dikembangkan dengan menyediakan suasana pembelajaran yang kondusif seperti tempat pembelajaran dan penyediaan bahan pengajaran oleh guru. Oleh itu, guru-guru berperanan agar sentiasa bersedia untuk memberikan didikan dan bimbingan yang terbaik kerana ia akan memberi ransangan yang positif kepada pelajar dan membina kuasa dalaman iaitu esteem sendiri yang tinggi. Ini memberi kesan terhadap hubungan positif remaja tersebut dengan individu lain. Dia akan melayan orang lain dengan baik. Jika esteem sendiri rendah, tingkah laku individu turut terjejas. Ini menyebabkan hubungannya dengan individu lain turut terjejas dengan terbentuknya tingkah laku negatif. Hal ini secara langsungnya menjejaskan hubungan individu dalam masyarakat (Mohd Mashor 1995). Tidak hairanlah tingkah laku negatif seperti ponteng sekolah, bergaduh, melawan guru dan ibu bapa, vandalisme, penyalahgunaan dadah dan lain-lain lagi sering dilakukan oleh individu yang mempunyai esteem sendiri yang rendah (Khairul 2003). Maslow (1943) pula menyentuh tentang tahap-tahap yang perlu dilalui oleh individu sehingga mencapai tahap kesempurnaan sendiri (self-actualization) iaitu mencapai potensi diri yang bermakna kepada seseorang. Ia bermula daripada tahap asas iaitu keperluan fisiologi diikuti oleh keperluan keselamatan seterusnya kepada keperluan sosial yang kemudiannya meningkat kepada keperluan penghormatan dan akhirnya mencapai tahap kesempurnaan sendiri. Remaja di sekolah perlu dilihat daripada aspek ini oleh guru-guru kerana mereka datang daripada pelbagai aspek sosial ekonomi dan nilai budaya.

Guru perlu mengetahui latar belakang seseorang pelajar agar guru dapat membantu pelajar yang bermasalah. Peranan ibu bapa penting dalam memenuhi tahap fisiologi seperti menyediakan perkara-perkara asas seperti tempat tinggal, makanan, kewangan yang mencukupi, buku-buku dan keperluan lain yang penting, agar anak-anak dapat memberi tumpuan dalam pelajarannya dengan baik

di sekolah (Hart 1987). Menyadari hakikat tersebut kerajaan telah menyediakan skim pinjaman buku teks kepada semua pelajar, biasiswa dan pinjaman agar pelajar dapat belajar dengan sempurna.

Kadangkala pelajar ingin memenuhi kehendak fisiologi dengan melakukan perkara-perkara negatif. Dalam hal ini, kerjasama antara ibu bapa dengan sekolah adalah penting. Peranan ini boleh dimainkan oleh Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dalam merancang strategi bagi membantu pelajar. Semua pihak perlu bekerjasama dalam membentuk tingkah laku remaja. Ibu bapa dapat menyemai nilai positif di dalam keluarga itu sendiri (Sharifah 2007). Nilai-nilai seperti kasih sayang, tolong menolong, jujur, dan semua nilai baik perlu diberi perhatian oleh ibu bapa. Ini adalah selari dengan tuntutan Islam yang memerintahkan supaya ibu bapa mendidik anak-anak mereka bagi menyelamatkan mereka dari terjerumus dalam neraka. Asas ini dijelaskan oleh Allah s.w.t. dalam surah al-Tahrim.

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman peliharalah dirimu dan ahli keluargamu dari neraka yang bahan bakarnya adalah dari manusia dan batu.

(al-Tahrim: 6)

Di sekolah, guru-guru perlu bersedia untuk memberi input yang baik seperti menonjolkan teladan yang baik dan menyediakan suasana pengajaran dan pembelajaran yang dapat merangsang minat pelajar untuk datang ke sekolah (Mohd Mashor 1995). Pihak kerajaan pula perlu menyediakan infrastruktur yang selesa seperti tempat belajar yang sempurna dengan pelbagai kemudahan asas seperti bangunan, bilik darjah, serta persekitaran sekolah yang kondusif. Jika ketiga-tiga elemen ini iaitu ibu bapa, sekolah dan kerajaan dapat bergerak seiring dalam menyediakan rangsangan yang positif kepada pelajar, tidak mustahil kuasa dalaman positif yang dimiliki seseorang pelajar dapat dipupuk dan dapat membentuk tingkah laku yang baik di kalangan remaja (Rusinah 2000).

Pembentukan Tingkah Laku Menurut Islam

Berdasarkan ajaran Islam, tingkah laku yang ditonjolkan oleh individu sama ada yang baik mahu pun yang buruk adalah berpunca dari aspek rohani seseorang itu. Lebih khusus lagi ia merujuk kepada aspek pembentukan dan pendidikan hati. Kenyataan ini adalah berdasarkan kepada sebuah hadith yang diriwayatkan al-Bukhari dengan sanadnya sehingga sampai kepada Abdullah al-Nu'man Ibn Basyir r.a. Rasulullah s.a.w. bersabda:

Maksudnya:

Ingatlah sesungguhnya dalam jasad itu terdapat seketul daging, apabila elok daging tersebut maka eloklah seluruh jasad, sebaliknya apabila rosak daging tersebut maka rosaklah seluruh jasad. Ingatlah bahawa daging itu adalah hati.

(al-Bukhari 1998, no. 52, 15)

Ibn Hajar (1986), ketika menjelaskan huraian hadith di atas menyatakan bahawa hati itu dianggap sebagai seorang raja manakala jasad pula dianggap sebagai rakyat jelata. Apabila raja yang memerintah itu adalah seorang yang baik, maka rakyat jelata turut merasai kebaikannya, namun apabila raja tersebut membuat kerosakan maka rakyat turut mengalami kerosakan. Dalam konteks pembentukan tingkah laku, jelas sekali menunjukkan bahawa setiap tingkah laku itu berpunca dari cetusan hati yang mempunyai kaitan langsung dengan niat.

Baik atau buruk sesuatu tingkah laku itu berpunca dari keadaan hati seseorang itu. Dalam hubungan ini Ibn Daqiq al-'Id (2003) turut memperakui bahawa gerakan anggota badan atau tingkah laku zahir seseorang sama ada yang baik mahu pun yang buruk itu berpunca dari keadaan hati. Lantaran itu menurut Islam, hati seseorang amat perlu dididik dan disuburkan dengan ajaran wahyu. Dalam erti kata lain ia perlu dibina dan disuburkan atas landasan iman yang merupakan tuntutan akidah Islam.

Ibn Qayyim (t.th.) dalam perbincangan beliau tentang hati, telah membahagikannya kepada tiga jenis, iaitu hati yang tenang dan tenteram, hati yang sakit dan hati yang mati. Hati yang tenang merujuk kepada hati yang disuburkan dengan akidah atau iman. Hati yang sakit pula adalah hati yang telah dicemari dengan perkara-perkara dosa, manakala hati yang mati itu pula adalah hati golongan yang tidak beriman kepada Allah. Melalui perbincangan beliau, jelas dinyatakan bahawa hati itulah yang berperanan mencetus dan membentuk tingkah laku manusia serta perasaan dalaman mereka. Hati yang baik akan mencetuskan tingkah laku dan perasaan yang baik, sebaliknya hati yang dicemari dengan dosa akan menimbulkan tingkah laku yang tidak seimbang, manakala hati yang mati pula bukan sahaja melahirkan tingkah laku yang buruk bahkan tingkah laku tersebut mendominasi kehidupannya.

Peranan Akidah Islam dalam Pembentukan Tingkah Laku

Akidah adalah kepercayaan dan keyakinan yang kukuh dalam hati seseorang terhadap rukun iman yang enam (al-Malkawi 2004). Akidah berperanan sebagai pengawal dan pengatur serta bertindak untuk mengarahkan setiap gerak-geri dan tingkah laku manusia. Semua yang timbul dari tingkah laku manusia

yang zahir serta dalam jiwa manusia sehinggakan setiap getaran-getaran yang terdetik dalam hati sangat bergantung kepada kemantapan dan kekuatan akidah, termasuk juga segala yang difikirkan oleh manusia. Pendek kata, akidah dapat diibaratkan sebagai otak dan jentera penggerak utama diri manusia (Abdullah 1996).

Tauhid yang merupakan tujuan akidah Islam dapat menyucikan hati dan akal manusia ke arah melahirkan individu yang cemerlang dalam kehidupannya. Dalam hubungan ini al-Nadawi (1994) menjelaskan, dengan ajaran keimanan yang mendasar dan mendalam melalui tarbiyah didikan Rasulullah s.a.w. baginda telah berjaya membangun kehidupan ditengah-tengah manusia beradab, baginda membangunkan kehidupan baru dengan menggunakan sisa-sisa kehidupan manusia seolah-olah bagaikan bahan mentah.

Ini menjelaskan bahawa aqidah tauhid itu mempunyai kesan yang mendalam serta positif dalam pembinaan manusia. Hakikat ini dinyatakan oleh al-Qardhawi (1987) melalui tauhid yang suci dari unsur-unsur negatif yang dicapai dalam kehidupan seseorang atau masyarakat akan mendatangkan sebaik-baik hasil dan kesan dalam kehidupan.

Dalam hubungan tingkah laku remaja, akidah tauhid yang dihayati akan memberi kesan positif dalam kehidupan seperti yang dinyatakan oleh al-Qardhawi. Dalam kata lain, akidah tauhid akan dapat membentuk tingkah laku remaja yang baik. Ini disebabkan keimanan kepada Allah yang terkandung dalam tauhid itu akan dapat menimbulkan rasa patuh dan taat kepada setiap suruhan Allah serta menjauhkan segala perkara yang dilarang oleh Allah s.w.t.. Apabila timbul keyakinan terhadap adanya balasan azab dan nikmat kubur, balasan syurga dan neraka, keyakinan ini memberi impak yang positif terhadap perubahan tingkah laku remaja. Perubahan tingkah laku seperti ini pernah disebut oleh al-Maududi (1986) ketika membicarakan perubahan masyarakat Arab jahiliah apabila mereka menghayati akidah tauhid ini. Justeru dapat disimpulkan bahawa perubahan tingkah laku remaja ke arah positif mempunyai kaitan langsung dengan penghayatan agama seperti mana yang diutarakan Kendler (Hanifah 2000).

Menurut al-Malkawi (2004) pula, akidah yang ditanam dalam diri seseorang individu itu akan dapat menjadikan dirinya sebagai individu yang akan melahirkan tingkah laku, sikap serta cara berfikir yang positif. Seandainya individu tersebut terjebak dalam salah laku, maka akidah yang dipegang akan segera menyedarkan dirinya terhadap kesalahan yang dilakukan, lalu individu tersebut akan segera memohon keampunan dari Allah. Menurut al Malkawi lagi, akidah juga berupaya menjadikan seseorang itu individu yang berkeinginan kuat untuk melakukan apa jua perkara kebaikan. Akidah juga dapat membina

rasa kemuliaan diri serta menghapuskan perasaan rendah diri, menghapuskan sifat malas serta lambat bertindak, meningkatkan semangat berkorban serta bersungguh-sungguh dalam mengejar cita-cita, membentuk pandangan hidup yang jelas dan positif serta menimbulkan perasaan sensitif terhadap perkara negatif dan memberi ketenangan hati.

Konsep akidah tauhid ini perlu ditanam dalam diri para remaja kerana akidah memberi kesan yang cukup mendalam terhadap pembentukan tingkah laku. Kenyataan ini dapat diselami apabila akidah yang suci itu dapat dihayati sepenuhnya dalam kehidupan. Melalui penghayatan terhadap keimanan kepada Allah akan dapat menimbulkan individu yang taat di dalam melakukan kebaikan serta merasa takut untuk melakukan sebarang kejahatan. Keimanan terhadap para Malaikat pula dapat melahirkan golongan remaja yang mempunyai perasaan berhati-hati dalam mengerjakan sesuatu perbuatan kerana menyedari perbuatannya itu diambil kira oleh para Malaikat. Sementara penghayatan terhadap keimanan kepada Rasul dapat melahirkan peribadi yang mencontohi kehidupan mereka yang begitu cemerlang.

Manakala penghayatan keimanan terhadap kitab-kitab akan menjadikan golongan remaja mempunyai cara hidup yang seimbang dan sempurna serta dapat mengecapi ketenangan dalam hidup berasaskan panduan yang diperolehi. Sementara itu pula penghayatan terhadap keimanan kepada hari akhirat akan mendorong golongan remaja berlumba-lumba dalam melakukan kebajikan kerana menyedari setiap amalnya mempunyai nilai di sisi Allah serta akan menerima pembalasan di akhirat. Keimanan terhadap Qada' dan Qadar pula akan menjadikan golongan remaja itu seorang individu yang kuat berusaha, berdaya saing dan maju kerana menyedari setiap usaha pasti mendapat sesuatu.

Kesan Akidah dalam Pemerksaan Pembangunan Modal Insan

Dalam konteks pembangunan negara para remaja adalah merupakan modal Insan yang amat bernilai. Modal insan dalam istilah ekonomi merujuk kepada segala pelaburan yang terkumpul dalam diri seseorang, seperti kebolehan, kemahiran, kepakaran dan lain-lain. Pada hakikatnya modal insan telah membuat sumbangan yang lebih besar kepada pertumbuhan negara berbanding dengan sumbangan peralatan (Kamus Ekonomi 1993: 168). Ini adalah berasaskan kepada faktor insan itu sebagai manusia yang berkualiti. Justeru itulah dari sudut akidah Islam manusia disebut sebagai khalifah yang bertanggungjawab mentadbir urus alam. Mentadbir urus alam atau pembangunan dalam perspektif khalifah adalah sebagai satu ibadah yang perlu dilaksanakan kerana merealisasikan tujuan ciptaan manusia itu sendiri seperti mana dalam firman Allah.

Maksudnya:

Tidak Aku ciptakan Jin dan Manusia melainkan untuk mereka beribadah kepadaKu.

(al-Zariyat, 56)

Lantaran itu taraf dan kedudukan kemuliaan manusia di sisi Allah adalah diukur melalui sejauh mana manusia itu memaksimumkan ibadah dalam hidupnya. Semakin tinggi tahap ibadah yang dilakukan, maka semakin mulia dan tinggi kedudukan individu tersebut di sisi Allah (al-Tuwaijeriy 2002). Ini bermakna pemeraksanaan pembangunan modal insan berasaskan akidah tauhid akan membawa kepada pemeraksanaan pembangunan material. Lantaran itulah konsep akidah ini menjadi satu perkara utama dalam paradigma pembangunan negara jika dilihat dari sudut pembinaan tamadun (Zulkifli 2006). Dari sudut prinsip akidah Islam, semakin tinggi tahap amalan seseorang itu maka semakin bersih hati dan pemikirannya serta utuh peribadi dan tingkah lakunya. Prinsip ini dapat dilihat melalui hadith Jibril yang diriwayatkan oleh al-Nawawi (1968) menjelaskan berkenaan dengan maksud al-Ihsan seperti sabda Rasulullah s.a.w.

Maksudnya:

Al-Ihsan itu adalah engkau menyembah Allah seolah-olah engkau dapat melihatNya, maka jika engkau tidak dapat merasakan demikian maka sesungguhnya Dia melihat engkau.

Kedudukan Ihsan itu merupakan tahap tertinggi yang menjadi fokus golongan yang beriman. Untuk sampai ketahap Ihsan, seseorang individu amat perlu meningkatkan amalan dan ketaatan kepada Allah s.w.t.. Dari sudut pembangunan modal insan, akidah berupaya untuk memperkasakan pembangunan individu itu sendiri. Kerana akidah Islam mampu memberi pandangan yang betul tentang kehidupan dan matlamat hidup yang jelas (al-Tuwaijeriy 2002).

Dalam kaitan dengan perubahan tingkah laku remaja, aspek amalan yang fardhu perlu diberi keutamaan. Mereka perlu dididik dan diasuh untuk melakukan amalan ketaatan. Ini kerana setiap amalan tersebut menyumbang ke arah perubahan tingkah laku yang amat berkesan. Amalan solat umpamanya yang merupakan salah satu dari rukun Islam, memberi hasil dan natijah pencegahan dari perbuatan keji dan mungkar. Begitu juga dengan amalan berpuasa dapat mengekang kehendak nafsu jahat menjadikan seseorang itu bertaqwa.

Sejarah ketamadunan Islam telah membuktikan akidah Islam berupaya membentuk perubahan tingkah laku manusia. Golongan musyrik di Mekah

sebelum kedatangan Islam secara umum menunjukkan tingkah laku yang sungguh tidak bermoral (Yahya 2005, 47). Namun akidah Islam berjaya merubah tingkah laku negatif mereka kepada tingkah laku yang lebih baik. Mereka berupaya meninggalkan ketagihan arak, menjauhkan zina, judi dan segala tingkah laku yang buruk seperti perintah Allah.

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman, sesungguhnya arak, judi, berhala dan menilik nasib adalah keji dan merupakan dari amalan syaitan, maka hendaklah kamu jauhinya agar kamu beroleh kejayaan.

(al-Maidah: 90)

Justeru, bagi membolehkan perubahan tingkah laku yang positif terus berlaku pada masa kini dan akan datang, maka usaha penghayatan akidah Islam dikalangan remaja perlu dilakukan secara berkesan.

Peranan Syariah Islam sebagai Kayu Ukur Tingkah Laku

Akidah Islam adalah sebagai asas atau tapak, sementara syariah Islam yang menggariskan tingkah laku manusia itu pula dibina atas akidah tersebut. Ini akan menjadikan setiap tingkah laku manusia itu mempunyai nilai, sama ada yang baik mahu pun yang buruk dan akan mendapat balasan di dunia dan akhirat (Uthman 1994). Dalam erti kata lain setiap tingkah laku manusia itu mempunyai kaitan langsung dengan nilai pahala dan dosa. Syariah Islam menjelaskan dengan nyata sekali tentang aspek tingkah laku yang dibolehkan dan juga yang dilarang.

Umpamanya Islam mewajibkan umatnya bercakap benar dan melarang dari berbohong, mengharamkan zina, berjudi, meminum arak dan lain-lain perbuatan yang buruk. Dalam hal ini akidah yang kuat akan menjadi pendorong dan penggerak seseorang individu itu untuk melakukan tingkah laku yang dibolehkan serta menjauhkan sebarang tingkah laku yang buruk. Justeru itu, dalam usaha untuk membentuk tingkah laku yang baik dikalangan remaja, peranan agama adalah yang terpenting dan yang utama. Ini kerana agama mempunyai kekuatan untuk menjelaskan dengan sebenar nilai baik atau buruk sesuatu tingkah laku itu. Ini juga kerana agama merupakan satu keperluan fitrah semulajadi manusia. Memisahkan aspek agama dalam kehidupan ibarat memisahkan roh dari jasad.

Kesimpulan

Membentuk tingkah laku bukanlah suatu perkara yang mudah. Pendekatan Barat melihat aspek tingkah laku dipengaruhi oleh unsur luaran seperti pengaruh

interaksi individu dengan individu lain, dan unsur dalaman iaitu kuasa yang wujud dalam diri serta pengaruh personaliti individu itu sendiri. Ketiga-tiga elemen ini saling berkait antara satu sama lain. Unsur dalaman iaitu aqidah merupakan penggerak yang sangat penting dan merupakan tapak ke arah pembentukan tingkah laku. Di sinilah hati memainkan peranan penting dalam meneguhkan akidah seseorang. Pendekatan Barat seolah-olah melihat manusia ini pasif dan menerima apa sahaja pengaruh luaran yang akan membentuk tingkah laku. Islam melihat akidah sebagai benteng daripada pengaruh negatif dalam pembentukan tingkah laku. Jika akidah adalah kukuh segala pengaruh negatif dapat ditangkis dan tingkah laku positif akan tetap ditonjolkan oleh individu. Oleh itu dalam memperkasakan modal insan di kalangan remaja, aspek agama tidak boleh diabaikan. Hanya dengan berpaksikan agama sahaja, seseorang insan dapat menempuh kehidupan yang diredhai oleh Allah. Remaja yang merupakan golongan yang masih boleh dilentur perlu dimantapkan dengan pegangan agama Islam yang utuh. Inilah sahaja kaedah yang akan membantu pembentukan tingkah laku positif di kalangan remaja di sekolah ke arah membentuk modal insan yang berkualiti.

Rujukan

- Al-Quran al-Karim.
- al-Asqalaniy, Ali Ibn Hajar, 1986, *Fath al-Bari Bi Syarh Sahih al-Bukhari*, Kaherah: Dar al-Diyan.
- Abdullah Azzam, 1996, *Akidah Asas Wawasan Ummah* Terj., Kuala Lumpur: Pustaka Ilmi.
- Bandura, A., 1977, *Social Learning Theory*, New Jersey: Prentice Hall.
- al-Bukhari, Muhammad Ibn Ismail, 1998, *Sahih al-Bukhari*, Riyad: Dar al-Salam.
- Ibn Daqiq al-'Id, 2003, *Syarh al-Arba'in al-Nawawiyyah*, Riyad: Maktabah al-Rusyd.
- Ibn Qayyim, t.th., *Igathah al-Luhfan Min Masayid al-Syaitan*, Beirut: Dar al-Fikr.
- Maslow, A. H., 1943, *A Theory of Human Motivation*, *Psychology Review*, July: 388-389.
- Maududi, Abul A'la, 1986, *Prinsip-Prinsip Islam*, Terj., Riyad: National Offset Printing Press.
- Digman, J. M., 1989, Five Robust Trait Dimensions: Development, Stability and Utility, *Journal of Personality*, 57: 195-214.
- Hamilton, V. M., 2007, *Human Relations The Art and Science of Building Effective Relationships*, New Jersey: Pearson Prentice Hall.
- Hanafiah Mohd Salleh, 2000, Perbandingan Perilaku Pelajar di antara Sekolah Menengah Agama dan Sekolah Menengah Kebangsaan, *Prosiding Pendidikan Kebangsaan 2000*, hlm. 52-62.
- Hart, L., 1987, *The Winning Family: Increasing Self-Esteem in Your Children and Yourself*, New York: Dodd, Mead.
- Hyman, I. A., 1997, *School Discipline and School Violence, the Teacher Variance Approach*, Boston: Allyn and Bacon.
- Kamus Ekonomi, 1993, *Istilah Kamus Ekonomi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khalim Zainal, 2004, Perbandingan Sistem Penalti dan Konvensional dalam Pengurusan Disiplin Pelajar Sekolah Menengah, Tesis Dr. Falsafah, Universiti Putra Malaysia.
- Khairul Bariyah Kassim, 2003, Hubungan Penghargaan Kendiri dan Kemurungan Ke atas Pencapaian Akademik Pelajar Tingkatan Empat, Tesis Sarjana, Universiti Utara Malaysia.
- Kerr, M. M., & Nelson, C. M., 1998, *Strategies for Managing Behavior Problems in the Classroom*, Ed. Ke-3, New Jersey: Merrill.

- Mahamood Nazar Mohamed, 1990, *Pengantar Psikologi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Malkawi, Abdul Kadir Khalil, 2004, *Aqidah al-Tauhid fi al-Quran al-Karim*, Riyad: Maktabah al-Rusyd.
- Mohd Rashid Mohd Saad, 2005, *Mengapa Rotan Tidak Berkesan*, Batu Caves: PTS Professional Publishing Sdn Bhd.
- Mohd. Mashor Mustapa, 1995, Hubungan Penghargaan-Kendiri dengan Ciri Sosio-Demografi: Kajian di Kalangan Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Daerah Timur Laut Pulau Pinang, Tesis Sarjana, Universiti Utara Malaysia.
- Al-Nadawiy, Abu al-Hassan Ali, 1994, *Kerugian Apa yang Dideritai Dunia Islam Akibat Kemerosotan Kaum Muslimin*, Kuwait: IIFSO.
- Al-Qardhawi, Yusuf, 1997, *Hakikat Tauhid*, Terj., Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Rusinah Siron, 2000, Kepelbagaian Pelajar: Mengimplimentasikan Teknik-Teknik Pengajaran yang Berkesan, *Seminar Prosiding Pendidikan Kebangsaan 2000*, hlm 38-51.
- Syuhada Coo Abdullah, 2010, *Kajian Remaja Melayu dan Seks Bebas*, <http://www.Arab2u.blogspot.com>., 28 Jun 2010.
- Sharifah Alawiyah al-Saqaff, 1987, *Psikologi Pendidikan I*, Petaling Jaya: Longman Malaysia
- Sharifah Raudzah Syed Junid, 2007, Faktor-faktor yang Mempengaruhi Salah Laku Pelajar dan Hubungannya dengan Personaliti Pelajar, Tesis Sarjana, Universiti Teknologi Malaysia.
- Skinner, B. F., 1982, *Skinner for the Classroom: Selected Papers*, Champaign IL: Research Press.
- al-Tuwaijeriy, Muhammad Ibn Ibrahim, 2000, Mukhtasar al-Fiqh al-Islamiy, Riyad: Bayt al-Afkar al-Dawliyah.
- Uthman Jum'ah, 1994, *Madkhal Lidirasah al-Aqidah al-Islamiyyah*, Jeddah: Maktabah al-Suwadiy.
- Wolery, M., Baily, D. B., & Sugai, G. M., 1988, *Effective Teaching: Principles and Practices of Applied Behavior Analysis with Exceptional Children*, Boston: Allyn & Bacon.
- Yahya Mahmud Salman, 2005, *Al-Sirah al-Nabawiyyah*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Zulkifli Mohamad, 2006, Islam Hadhari dan Proses Pembangunan, Dlm. Zulkifli Mohamad, Nasruddin Yunos & Muhamad Sabri Haron, *Tamadun Islam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

██████████ ██████████ ██████████

KHALIM ZAINAL, Ph.D.

Pusat Pengajian Umum

Universiti Kebangsaan Malaysia

43600 Bangi, MALAYSIA

Emel: kz@ukm.my, khalimz@yahoo.com.sg

AMINUDIN BASIR @ AHMAD, Ph.D.

Pusat Pengajian Umum

Universiti Kebangsaan Malaysia

43600 Bangi, MALAYSIA

Emel: binamanhaj@yahoo.com